

16 AUG 1996

Ong-Kad

SERAMAI 1.3 JUTA RAKYAT MALAYSIA BELUM BARU KAD PENGENALAN

LANGKAWI, 16 Ogos (Bernama) -- Seramai 1.3 juta orang masih belum membaharui kad pengenalan mereka, dan mereka hanya mempunyai empat bulan lagi untuk berbuat demikian, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Ong Ka Ting, hari ini.

Katanya, kerajaan tidak akan membuat penundaan lagi walaupun didesak berbuat demikian apabila tempoh tamat tempoh itu berakhir pada 31 Dis ini.

Beliau percaya sebahagian besar daripada mereka akan menunggu sehingga ke saat-saat akhir untuk memperbaharui kad pengenalan mereka walaupun mereka mempunyai masa yang cukup pada masa sekarang.

"Keadaan ini akan menimbulkan kesusahan kerana permohonan yang terlalu banyak boleh menimbulkan kesesakan di kaunter Jabatan Pendaftaran," kata Ong kepada pemberita selepas perasmian Konvensyen Masyarakat Hokkien Sedunia Ke-2, di sini.

Konvensyen dua hari yang dihadiri kira-kira 2,500 perwakilan itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ong berkata, walaupun jabatan itu menyediakan khidmat bergerak untuk tujuan itu, perkhidmatan itu hanyalah untuk mereka yang uzur atau tinggal terlalu jauh di pedalaman.

Katanya, sekiranya mereka menanti khidmat itu diberi dari pintu ke pintu, ianya akan menimbulkan pelbagai kesulitan kepada kakitangan jabatan berkenaan.

Ketika ditanya mengenai penangkapan seorang lelaki yang memiliki 22 biji pil "ecstasy" (pil khayal) yang disimpan didalam kotak rokok di sebuah pusat hiburan di Kuala Lumpur Jumaat lepas, Ong berkata, polis akan terus memperhebatkan operasi berikutan menularnya gejala itu.

Katanya, tangkapan yang dibuat terhadap seorang artis wanita Indonesia baru-baru ini yang memiliki 4,000 biji pil itu adalah yang terbesar dibuat oleh polis di rantau ini.

-- BERNAMA

RA AHH